

MPHTJ PBT pertama perkenal sistem tandatangan digital

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) mencatat sejarah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Malaysia memperkenalkan Kaedah Tandatangan Digital bagi proses pengemukakan pelan bangunan melalui Sistem OCS 3.0 Plus Online (OSC3).

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Sapiah Haron berkata, inisiatif yang mula dikuatkuasakan sejak Mac 2025 itu telah memberi impak besar terhadap kecekapan pengurusan pelan pembangunan.

"Kaedah ini bukan sahaja efisien, malah berjaya mempercepatkan keseluruhan proses mengemukakan sehingga ke peringkat kelulusan pelan bangunan.

"Urusan tandatangan oleh pemilik, perunding dan PBT kini boleh dilakukan di mana-mana sahaja selagi ada liputan internet," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut beliau, pelak-



sanaan sistem tersebut juga mengurangkan keperluan penyediaan pelan fizikal seperti percetakan, mewarna dan penghantaran manual untuk ditandatangani.

"Penggunaan tandatangan digital membuka lembaran baharu dalam urusan teknikal di MPHTJ, selaras dengan aspirasi menjadikan Hang Tuah Jaya sebagai Bandaraya Pintar berteraskan teknologi dan kelestarian," katanya.

Terdahulu, MPHTJ menjadi antara tiga PBT di negeri ini menerima Sijil Penghargaan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) daripada Ketua Se-



SAPIAH ketika menerima Sijil Penghargaan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang disampaikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Foto Iqmal Haqim Rosman

tiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar bersempena Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Melaka

di Politeknik Merlimau.

Untuk rekod, menerusi RKB, Melaka berjaya menghasilkan penjimatan RM13.5

juta setahun serta mempercepatkan proses kelulusan kerajaan sehingga 75 peratus lebih pantas, sekali

gus menjadi negeri contoh perubahan cara kerja kerajaan menjadi lebih cepat, mudah dan berkesan.